

Kesusasteraan Sabah harus dikembangkan secara bertulis

UB 7.2.2015 B1

Oleh SADDAM EDRIS

WARISAN pribumi Sabah terutamanya dalam aspek kesusasteraan harus dikembangkan selaras dengan rujukan ilmiah yang lain bagi mempelbagaikan rujukan buat generasi baharu.

DUA buku yang disumbangkan kepada Perpustakaan Negeri Sabah (PNS) kelmarin.

Sumber ilmiah turun-temurun itu yang diterbitkan secara bercetak masih kurang diperolehi dan hanya dijelaskan

menggunakan lisan berbanding secara bertulis.

Pensyarah Unit Penyelidikan Warisan Borneo Universiti Malaysia Sabah (UMS) Low Kok On berkata, beliau sendiri mengakui bahawa bahan kesusasteraan yang unik daripada masyarakat pelbagai etnik di Sabah semakin berkurangan untuk diwariskan kepada golongan muda



MARIA (kiri tujuh) menerima sumbangan buku daripada Low Kok On.

masa kini.

“Keunikan sastera termasuklah budaya, cerita-cerita jenaka pada masa dahulu semakin kurang dilindungi dan hanya dituturkan secara lisan sahaja.

“Ini menyebabkan warisan ini semakin terhakis untuk rujukan kepada anak-anak muda mengenai budaya dan usaha kreatif etnik mereka sendiri,”

katanya ketika ditemui

semasa Majlis Penyerahan Buku kepada Perpustakaan Negeri Sabah (PNS) di Kota Kinabalu kelmarin.

Beliau berkata penghasilan buku yang mengambil masa selama tiga tahun itu akan menjadi salah satu bahan ilmiah yang mampu untuk dibaca dan dijadikan rujukan kepada khalayak umum.

“Penyerahan 20 buah buku hasil penyelidikan ini telah turut diterjemah menggunakan bahasa Melayu dan ia memiliki dua tajuk berbeza iaitu buku pertama bertajuk *Dokumentasi Teka Teki, Peribahasa, serta Cerita Jenaka Lisan Orang Kadazandusun, Murut, Bajau dan Melayu Brunei*.

“Sementara itu, buku kedua pula bertajuk *Teka Teki Warisan Pribumi Sabah Terpilih* yang diterbitkan oleh lima penyelidik terpilih,” jelasnya.

Manakala menurut Pensyarah Bidang Kadazan Dusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Rosliah Kiting, banyak cerita dan peribahasa masyarakat pribumi Sabah masih kurang ditonjolkan oleh masyarakat masa kini.

“Cerita-cerita dahulu dan peribahasa mengikut suku kaum masing-masing masih kurang diterbitkan secara bertulis dan hanya diceritakan secara lisan oleh kebanyakan responden yang kami jumpa.

“Justeru, ini menyebabkan generasi sukar untuk memahami sekaligus mendapatkan informasi mengenai warisan yang mereka ada,” katanya.

Oleh itu beliau berkata, usaha ini adalah satu komitmen penyelidik untuk menyediakan lebih banyak rujukan yang pelbagai kepada pelajar mahupun penyelidik baharu di samping memudahkan mereka memahami secara menyeluruh mengenai sastera etnik pribumi di Sabah.

Timbalan Pengarah Kanan Perkhidmatan PNS Maria Sinti pula berkata pihak UMS telah banyak memberikan sumbangan buku ilmiah kepada PNS sebelum ini.

“UMS telah banyak memberikan bahan-bahan buku bercetak untuk diletakkan di perpustakaan dan kebanyakannya berkaitan penyelidikan yang dijalankan.

“Ini sekaligus memudahkan generasi muda untuk mendapatkan rujukan di samping membangunkan hasil warisan pribumi yang ada di sini,” katanya.

Selain itu katanya, sumbangan buku ilmiah itu akan disalurkan ke seluruh rangkaian perpustakaan di Sabah sama ada secara bercetak mahupun digital.



LOW



ROSLIAH